



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2024



BAHAGIAKAN IBU BAPA SYURGA MENANTI

12 APRIL 2024 | 03 SYAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Islam mewajibkan setiap anak untuk menghormati dan berbakti kepada ibu bapa lebih-lebih lagi apabila mereka sudah tua. Perintah supaya kita mentaati ibu



bapa dan berbuat baik kepada mereka adalah perintah Allah. Ia terkandung dalam firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Isra' ayat 23:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ

كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun berkata "uff" (apa-apa perkataan dan perbuatan yang mengguris hati), dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Dalam ayat ini, perintah tersebut datang selepas perintah supaya manusia bertauhid dengan tidak menyembah selain Allah Subhanahu wa Taala. Maka para ulama tafsir antaranya seperti Sheikh al-Maraghi berpendapat bahawa berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah yang sangat penting daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kewajipan berbuat baik kepada kedua ibu bapa turut ditegaskan oleh Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Luqman ayat 14:



وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ

إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepada-Ku dan (berterima kasih) kepada kedua ibu bapamu; dan kepada Akulah jua tempat kembali.”

Pengorbanan ibu yang bersusah payah mengandung selama sembilan bulan serta kesakitan yang ditanggungnya ketika melahirkan kita tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Ibu bapa bertungkus-lumus membesarkan kita sejak dari kecil hingga dewasa. Bapa sebagai ketua keluarga bekerja keras mencari rezeki untuk menampung perbelanjaan membesarkan kita termasuk makan-minum, tempat tinggal, pakaian, ubat-ubatan, keperluan harian dan pendidikan. Jika direnung semua pengorbanan ini, setiap kita yang bergelar ‘anak’ sepatutnya melayan ibu bapa dengan sebaik-baiknya.

Akhir-akhir ini tular pelbagai berita di media seperti anak memukul ibu kerana enggan memberikan wang, anak mengabaikan ibu bapa yang uzur, ibu dibiarkan tinggal di tempat kotor bergelumang najis, anak saman ibu bapa, malah paling tidak boleh diterima akal, berlaku beberapa bulan lalu kes seorang anak sanggup menikam ibu bapanya sendiri hingga mati selepas berlaku pertengkaran. Apakah kita sudah hilang kewarasan dan lupa dengan segala jasa ibu dan bapa kita? Sanggupkah kita menyakiti ibu bapa sedangkan derhaka kepada ibu bapa itu sendiri adalah dosa yang sangat besar.



Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

أَكْبَرُ الْكَبَائِرِ: الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ، وَقَتْلُ النَّفْسِ، وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ، وَقَوْلُ الزُّورِ

Yang bermaksud: “Sebesar-besar dosa adalah syirik kepada Allah, membunuh diri, menderhakai ibu bapa dan berkata dusta.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sepatutnya ibu bapa yang sudah tua boleh menjadi gedung pahala kepada anak-anak jika anak-anak menjaganya dengan baik dan membahagiakan hati mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Kehinaan, kehinaan, kehinaan.” Baginda ditanya: “Siapakah (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.”

Sekiranya ibu bapa kita masih hidup. Bahagikanlah mereka dengan layanan yang baik, penuh santun dan jagalah kebajikan mereka. Jika mereka telah tiada (meninggal dunia), menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menunaikan hutang-hutang mereka seperti puasa, haji, nazar dan sebagainya. Ibnu Abbas Radiallahu Anhu menceritakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:



“Telah datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seorang lelaki, lalu berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan atasnya (hutang) puasa Ramadan. Adakah aku perlu qada puasa bagi pihaknya? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Ya, kerana hutang dengan Allah lebih berhak untuk ditunaikan.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita memberikan layanan yang terbaik untuk membahagiakan ibu bapa kita selagi mereka masih hidup. Andainya keduanya telah tiada, ziarahilah pusara mereka serta perbanyakkanlah doa semoga roh keduanya dicucuri rahmat dan diampunkan segala dosa mereka. Sesungguhnya doa anak-anak yang soleh akan sampai kepada ibu bapa walaupun mereka telah meninggal dunia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذَّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٤١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.